

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

30. Pembangunan kawasan.

- (a) Sila senaraikan projek pembangunan yang ada di kawasan DUN Telok Bahang.
- (b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengekalkan Telok Bahang sebagai kawasan pelancongan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

- 30. (a) Pada ketika ini terdapat 16 projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di kawasan DUN Telok Bahang seperti di **Lampiran A**.
- (b) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengekalkan Telok Bahang sebagai kawasan pelancongan adalah melalui kaedah mempromosikan destinasi Telok Bahang kepada pelancong dalam dan luar negara dalam kategori *Nature & Adventure*. Beberapa tempat tarikan pelancong di Telok Bahang seperti Entopia dan Escape Theme Park sentiasa dipromosikan dalam kempen pelancongan di luar negara seperti *Experience Penang Roadshow* yang telah dilancarkan di beberapa negara seperti China (Shenzhen, Chengdu dan Beijing), Korea Selatan (Seoul dan Busan), Thailand (Bangkok), Indonesia (Jakarta dan Surabaya), Taiwan (Taipei) dan Singapura. Promosi juga dijalankan menerusi penyertaan dalam jelajah *Tradeshows* dan pameran-pameran

pelancongan di luar negara dengan kerjasama Tourism Malaysia. Selain itu, Kerajaan Negeri menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam membantu membangunkan industri pelancongan terutamanya yang berkonsepkan pelancongan kesihatan atau *medical tourism* dan juga berkonsepkan patuh syariah di Pulau Pinang. Terdapat dua (2) projek pembangunan hotel baharu yang dijangka akan dibuka pada tahun 2020 iaitu Hotel Angsana Teluk Bahang yang dilengkapi dengan *Wellness Centre* untuk memberi rangsangan kepada industri pelancongan kesihatan dan Hotel Bahang Bay yang merupakan hotel empat (4) bintang milikan penuh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan mengamalkan konsep patuh syariah. Kerajaan Negeri juga telah melihat perkhidmatan dan kemudahan pelancongan kesihatan ini sebagai salah satu cara diversifikasi strategi ekonomi dalam pemasaran destinasi pelancongan di Pulau Pinang yang akan memberi impak yang positif kepada pelaburan negeri. Pembangunan industri pelancongan kesihatan yang berjaya pastinya akan memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf dunia di persada antarabangsa.

Lampiran A

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN DUN TELOK
BAHANG, PULAU PINANG**

| BIL. | PROJEK PEMBANGUNAN |
|-------------|--|
| 1. | Projek Pembangunan 1 Blok Rumah Pangsa 12 Tingkat Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah termasuk 1 Blok 10 Tingkat Tempat Letak Kenderaan dan Kemudahan Masyarakat di atas Lot 332, Jalan Sungai Rusa, Mukim 3, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 2. | Projek Pembangunan Untuk Blok Tambahan Dewan Sekolah 3 Tingkat Sedia Ada, di atas Lot 546, 547, 548, 549 dan 859, Jalan Kuala Sungai Pinang, Mukim B, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 3. | Projek Pembangunan Chalet 1 & 2 Tingkat di atas Lot 894, Jalan Teluk Bahang, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 4. | Projek Pembangunan Untuk Blok Tambahan Dewan S.J.K.(C) Yu Chye Sedia Ada Termasuk Bilik-Bilik Kokurikulum, di atas Lot-Lot 546-549 dan 859, Jalan Kuala Sungai Pinang, Mukim B, Daerah Barat Daya ,Pulau Pinang. |
| 5. | Projek Pembangunan Sebuah Taman Tema Air (Fasa 1B) di atas Lot-Lot 377, 231 dan 767 (Lot Lama 383 & PT1) Jalan Teluk Bahang, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |

| BIL. | PROJEK PEMBANGUNAN |
|-------------|---|
| 6. | Projek Pembangunan Ruang Perniagaan 1 & 2 Tingkat dan 3 Tingkat Pusat Membeli Belah Termasuk 1 Tingkat Tempat Letak Kereta di atas Lot 987 dan 988, Jalan Sungai Rusa, Mukim 4, Daerah Barat Daya ,Pulau Pinang. |
| 7. | Projek Pembangunan Rumah Sesebuah 2 Tingkat, Chalet 1 Tingkat dan Kabin Pekerja di atas Lot 849, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 8. | Projek Pembangunan Pelancongan Untuk Tapak Perkhemahan 1 Tingkat dan Bangunan Kemudahan Sokongan 2 & 3 Tingkat di atas Lot-Lot 587, 671 dan PT87, Jalan Teluk Bahang, Mukim 1, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 9. | Projek Pembangunan 2 Blok Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah termasuk 1 Tingkat Kemudahan Masyarakat dan 3 Tingkat Tempat Letak Kenderaan di atas Lot 84, Jalan Baru, Mukim D, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang |
| 10. | Projek Pembangunan 4 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 12 Tingkat dan 1 Blok 8 Tingkat Tempat Letak Kenderaan termasuk Kemudahan Masyarakat di atas Lot 310, 312, 311 dan Lot 10632 [Sebahagian Lot 451(Lot Lama)], Jalan Prestij 4, Mukim D, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 11. | Projek Pembangunan Bersepadu Pelancongan Dan Wellness Centre (Medical Tourism) Hotel, Pangsapuri Perkhidmatan, Loji Rawatan Air dan Tempat Letak Kenderaan termasuk Jejambat di atas Lot 841 (Lot Baru PT 118) dan Lot 842 (Lot Baru PT 119), Jalan Teluk Bahang, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |

| BIL. | PROJEK PEMBANGUNAN |
|-------------|---|
| 12. | Projek Pembangunan 1 Blok Bangunan 2 Tingkat Taman Rama-Rama, Blok Pentadbiran Dan Pusat Pameran Di Jalan Teluk Bahang, Lot 380, 381 & Sebahagian Lot 384, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 13. | Projek Pembangunan Struktur Pemancar Telekomunikasi Digi Telecommunications Sdn. Bhd. Setinggi 48 Meter Termasuk Kabin Peralatan di atas Lot 13, Mukim C, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 14. | Projek Pembangunan Rumah Teres 2 Tingkat Pemajuan Berstrata di atas Lot 771, Lorong Hassan Abas Satu, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. |
| 15. | Projek Pembangunan 1 Blok Rumah Pangsa Mampu Milik 26 Tingkat Termasuk Tempat Letak Kenderaan dan Ruang Rekreasi di atas Lot 740, Lorong Sungai Emas, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. |
| 16. | Projek Pembangunan 1 Blok Bangunan Hotel, Pangsapuri Perkhidmatan dan Tempat Letak Kenderaan 8 Tingkat di atas Lot PT 129 (Lot-Lot Lama 303 dan 340), Jalan Batu Ferringgi, Seksyen 1, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. |